

19/02/1997

Samsung tingkat guna komponen tempatan

M Noh Senan

KUMPULAN Samsung Electronics Malaysia (Samsung), yang mempunyai kompleks bersepadu di kawasan industri Senawang, Negeri Sembilan bercadang meningkatkan penggunaan komponen tempatan untuk pengeluaran produk elektroniknya sebanyak empat peratus lagi tahun ini.

Syarikat gergasi Korea Selatan yang memulakan operasi kira-kira empat tahun lalu dengan pelaburan RM2.1 bilion, menetapkan sasaran itu berdasarkan kepada sokongan yang diberikan selama ini oleh pembekal tempatan.

Samsung menggunakan komponen tempatan pada kadar 81 peratus tahun lalu dan jumlah itu akan ditingkatkan kepada 85 peratus mengikut program pembangunan vendor untuk pengeluarannya, kata Presiden dan Pengarah Urusannya, Kim Jin Ki.

Dalam taklimatnya kepada akhbar di kompleksnya di Senawang, semalam Kim berkata dengan meningkatkan penggunaan komponen tempatan, Samsung berharap dapat mengurangkan kos malah pada yang sama memajukan sektor itu di Malaysia.

Katanya, untuk tujuan itu, pihaknya mendapatkan kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Usahawan untuk memastikan program berkenaan mencapai matlamat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan kompleks itu menempatkan tiga kilang iaitu, Samsung Electron Devices, Samsung Corning dan Samsung Electronis Display, pada 24 Februari ini.

Mengenai penjualan produknya, Kim berkata berdasarkan kepada prestasinya, Samsung menjangkakan ia mencatat RM3.3 bilion hujung tahun ini berbanding RM2.5 bilion tahun lalu.

Antara barangan yang dikeluarkan dari kompleks itu ialah tiub gambar warna, panel gelas televisyen dan komponen berkaitan dieksport ke Singapura, Indonesia, Thailand, Indonesia dan Vietnam.

Kim berkata, kompleks Samsung di Senawang itu yang terletak di kawasan 52 hektar terus melaksanakan program pembesaran membabitkan bahagian pengeluaran selain menyiapkan blok asrama dan pusat latihan.

"Syarikat membelanjakan RM100 juta setiap tahun setakat ini untuk tujuan berkenaan dan ini bermakna sehingga tahun 2000 nanti, sejumlah RM727.5 juta dilabur," katanya.

Mengenai pemindahan teknologi, beliau menjelaskan Samsung memang tidak mengabaikan bidang ini kerana usaha ini sentiasa dijalankan dengan membawa jurutera ke sini atau membawa jurutera tempatan ke Korea Selatan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang terbabit.

Beliau juga berkata, bagi melengkapkan lagi kemudahan untuk pekerja, Samsung melabur RM5 juta mewujudkan pusat penyiaran televisyen, yang digunakan sebagai saluran meningkatkan komunikasi di antara majikan dengan pekerja.

(END)